

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA DI PUTRAJAYA

(BIDANGKUASA RAYUAN)

RAYUAN SIVIL NO. P-04-10-2002

ANTARA

1. **TAN AI GAIK**
2. **TAN HONG HOE** ... **PEMOHON**

DAN

1. **CH'NG SEONG HUAT (WASI BAGI
CH'NG KAR SENG, SIMATI)**
2. **TAN SWEE WAN**
3. **TAN SWEE CHENG** ... **RESPONDEN**

[Dalam Perkara Mengenai Mahkamah Tinggi Malaya Di Pulau Pinang
Rayuan Sivil No. 12-61-97

Antara

Ch'ng Seong Huat (wasi kepada
Ch'ng Kar Seng, simati) ... **Perayu**

Dan

1. **Tan Aik Gaik**
2. **Tan Hong Hoe**
3. **Tan Swee Wan**
4. **Tan Swee Cheng** ... **Responden-Responden]**

[Dalam Perkara Mengenai Mahkamah Sesyen Di Georgetown, Pulau Pinang
Saman No. 52-358-93

Antara

1. **Tan Aik Gaik**
2. **Tan Hong Hoe** ... **Plaintif-Plaintif**

Dan

1. **Ch'ng Seong Huat (wasi bagi
Ch'ng Kar Seng, simati)**
2. **Tan Swee Wan**
3. **Tan Swee Cheng** ... **Defendan-Defendan]**

Koram:

Mokhtar Sidin, H.M.R.
Zaleha Zahari, H.M.R.
Heliliah Mohd Yusof, H.M.R.

PENGHAKIMAN

Di dalam rayuan ini perayu-perayu adalah plaintif-plaintif di dalam tindakan yang dimulakan di Mahkamah Sesyen Georgetown, Pulau Pinang. Responden-responden adalah defendan-defendan. Untuk mengelakkan daripada kekeliruan saya akan merujuk kepada pihak-pihak berkenaan sebagaimana mereka di Mahkamah Sesyen.

Plaintif-plaintif di dalam tindakan ini menuntut gantirugi untuk kerosakan rumah kedai Plaintiff yang didakwa disebabkan oleh kecuaiian Ch'ng Kar Seng (simati) dan Defendan Kedua atau salah seorang dari mereka semasa menunggang motosikal masing-masing. Selepas perbicaraan di Mahkamah Sesyen, Hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan kesemua defendan bertanggung seratus peratus (100%) menyebabkan kemalangan itu dan membuat perintah-perintah yang berkaitan dengannya. Defendan-defendan yang tidak berpuashati dengan keputusan tersebut telah membuat rayuan terhadap keseluruhan keputusan berkenaan. Defendan

Pertama telah memfailkan rayuannya di Mahkamah Tinggi di mana rayuannya telah disenaraikan sebagai Rayuan Sivil No. 12-61-97. Defendan-defendan Kedua dan Ketiga telah memfailkan rayuan bersama dan rayuan tersebut telah disenaraikan sebagai Rayuan Sivil No. 12-62-97.

Fakta kes adalah seperti berikut. Plaintiff-plaintif adalah pemegang amanah kepada rumah kedai yang beralamat No. 494 - 496 Jalan Jelutong, Pulau Pinang. Di dalam Penyata Tuntutannya, Plaintiff menyatakan bahawa pada 1.9.1991 lebih kurang jam 1.40 pagi, Ch'ng Kar Seng (simati) yang menunggang motosikal No. PCC 4500 dan Tan Swee Wan (Defendan Kedua) yang menunggang motosikal No. PCA 6729 kepunyaan Defendan Ketiga di dalam perjalanan di antara simpang Jalan Perak dan Jalan Jelutong telah dengan cuainya berlanggar antara satu sama lain dan seterusnya berlanggar dengan rumah kedai Plaintiff menyebabkan rumah kedai itu mengalami kerosakan teruk. Tidak ada saksi bebas dipanggil oleh Plaintiff. Plaintiff Pertama (PW1) telah memberi keterangan dengan menyatakan bahawa lebih kurang jam 1.40 pagi pada 1.9.1991 semasa beliau berada di premis No. 402 Jalan Perak, beliau telah mendengar bunyi "poom". Beliau seterusnya telah keluar dari rumahnya dan nampak dua buah motosikal melanggar rumah kedai No. 494 – 496 Jalan Jelutong. Sebatang tiang, beberapa keping gentian bumbung dan satu dinding rumah kedai itu telah

runtuh. Menurut PWI lagi rumah kedai itu digunakan untuk perniagaan kedai kopi keluarga. Sejak kedai itu rosak, perniagaan tidak dijalankan lagi. Walau bagaimanapun, PWI tidak tahu berapakah purata keuntungan bulanan perniagaan kedai kopi itu. PWI mengaku bahawa rumah kedai itu tidak pernah dibaiki sejak kejadian tersebut kerana menunggu bayaran pampasan dari syarikat insuran.

Kesemua defendan dalam pembelaan mereka tidak menafikan bahawa kedua-dua motosikal yang dinyatakan terlibat di dalam kemalangan itu, tetapi menafikan liabiliti. Defendan-defendan Kedua dan Ketiga telah memplidkan bahawa kemalangan itu adalah satu kemalangan yang tidak dapat dielakkan. Penunggang motosikal PCC 4500 telah mati akibat dari kemalangan itu dan wasinya telah dijadikan Defendan Pertama. Defendan Kedua (DW1) di dalam keterangannya menyatakan bahawa pada tarikh dan masa kejadian, beliau menunggang motosikal PCA 6729 bersama pembonceng Ooi Chung Min (DW2) dengan kelajuan 30 km sejam dari arah Gelugor menuju ke Bandar. Apabila sampai dekat simpang Jalan Perak dan Jalan Jelutong, sebuah motokar dari arah bertentangan telah memotong sebuah motokar lain dan memasuki laluan beliau (DW1). Beliau mengelak ke kiri dan digesel oleh motosikal PCC 4500 yang ditunggang oleh Ch'ng Kar Seng (simati) yang datang dari arah belakang. Motosikal PCA 6729

kemudiannya terbabas ke kiri dan jatuh ke dalam longkang bersama-sama penunggang dan pemboncengnya, manakala motosikal PCC 4500 telah melanggar tiang rumah kedai Plaintif. Menurut DWI lagi walaupun motosikal PCC 4500 melanggar tiang kedai Plaintif, pada masa itu tiang itu tidak runtuh lagi. DWI membuat laporan polis pada hari yang sama tetapi tidak menyebut motosikal PCC 4500 melanggar tiang kerana beliau terlupa.

Semasa disoalbalas DWI bersetuju bahawa motosikal PCC 4500 terlanggar tiang kerana terpaksa mengelak ke kiri untuk mengelakkan pertembungan dengan motosikal beliau. Pada masa yang sama juga DWI bersetuju bahawa untuk mengelakkan motokar di hadapan, beliau telah berlanggar dengan motosikal PCC 4500. Keterangan-keterangan DWI disokong oleh keterangan pembonceng motosikal PCA 6729. Penunggang motorsikal PCC 4500 telah mati akibat kemalangan tersebut.

Di atas fakta-fakta dan keterangan yang di atas, Hakim Mahkamah Sesyen telah mendapati kesemua defendan telah menyebabkan keruntuhan rumah kedai berkenaan dan memutuskan liabiliti 100% ke atas ketiga-tiga defendan. Defendan-defendan yang tidak berpuashati dengan keputusan tersebut telah merayu ke Mahkamah Tinggi.

Di dalam penghakiman bertulisnya, Hakim Mahkamah Tinggi menyatakan:

“Pembelaan Defendan Pertama, secara ringkas, ialah, selain daripada menafikan nyataan Plaintiff, menyatakan bahawa kemalangan tersebut adalah disebabkan keseluruhannya dan/atau secara alternatif disertai bersama oleh kecuaiian Defendan Kedua (penunggang motosikal No. PCA 6729).

Pembelaan Defendan Kedua dan Ketiga pula, selain daripada tidak mengakui nyataan Plaintiff dan menghendaknya dibuktikan, menyatakan, secara alternatif, jika kemalangan itu berlaku, ia adalah suatu kemalangan yang tidak dapat dielakkan.

Hakim Mahkamah Sesyen, dalam alasan penghakimannya mengatakan bahawa satu-satunya persoalan untuk ditimbangannya ialah sama ada kemalangan itu suatu kemalangan yang tidak dapat dielakkan. Beliau memutuskan bahawa ianya bukanlah satu kemalangan yang tidak dapat dielakkan. Oleh sebab Plaintiff-Plaintif adalah pihak ketiga yang tidak bersalah, adalah mencukupi untuk Plaintiff-Plaintif membuktikan kecuaiian terhadap Defendan Kedua dan Defendan Ketiga walau pun ianya bukan keseluruhan kecuaiian. Beliau mengikut kes *Oli Mohamed v. Keith Murphy & Anor* [1969] 2 MLJ 244. Seterusnya beliau memutuskan bahawa, oleh sebab Defendan Kedua dan simati telah menyebabkan kerosakan kepada rumah kedai Plaintiff dan “kerosakan” tidak dapat dibahagikan, kesemua Defendan adalah bertanggung 100% terhadap keseluruhan kerosakan yang dialami oleh Plaintiff. Dalam keadaan itu beliau tidak membuat perintah mengenai pengagihan liabiliti antara Defendan-Defendan.

...

Saya telah membenarkan rayuan oleh Defendan Pertama terhadap Plaintiff-Plaintif dengan kos di Mahkamah ini dan di Mahkamah Sesyen. Saya juga memutuskan bahawa rayuan Defendan Pertama terhadap Defendan Kedua dan Ketiga ditolak tanpa kos, dan membuat perintah-perintah sampingan.

....

Dalam hal ini perlu diambil perhatian bahawa tiada sedikit pun keterangan bahawa si mati cuai dalam kemalangan itu.

Di sini diperturunkan sebahagian daripada keterangan Defendan Kedua seperti yang diringkaskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen itu.

‘Dalam kes ini Defendan Kedua (DW1) berusaha untuk menunjukkan apa yang beliau anggap sebagai punca kemalangan. Menurut beliau, pada tarikh dan masa kejadian, beliau menunggang motosikal PCA 6729 bersama pembonceng Ooi Chung Min (DW2) dengan kelajuan 30km sejam dari arah Gelugor motosikal menuju ke bandar. Apabila sampai dekat simpang Jalan Perak dan Jalan Jelutong, sebuah motokar dari arah bertentangan telah memotong sebuah motokar lain dan memasuki laluan beliau (DW1). Beliau mengelak ke kiri dan digesel oleh PCC 4500 yang ditunggang oleh Ch’ng Kar Seng (simati) yang datang dari arah belakang. Motosikal PCA 6729 kemudiannya terbabas ke kiri dan jatuh ke dalam longkang bersama-sama penunggang dan pemboncengnya. Manakala motosikal PCC 4500 telah melanggar tiang rumah kedai Plaintiff, pada masa itu tiang itu tidak runtuh lagi. DW1 membuat laporan polis pada hari yang sama tetapi tidak menyebut motosikal PCC 4500 melanggar tiang kerana beliau terlupa.

Semasa disoalbalas DW1 bersetuju bahawa motosikal PCC 4500 melanggar tiang kerana terpaksa mengelak ke kiri untuk mengelakkan pertembungan dengan motosikal beliau. Pada masa yang sama juga DW1 bersetuju bahawa untuk mengelakkan motokar di hadapan, beliau telah berlanggar dengan motosikal PCC 4500. Keterangan-keterangan DW1 disokong oleh keterangan pembonceng motosikal PCA 6729.’

Hakim Mahkamah Sesyen itu membuat penemuan fakta, antara lain, bahawa:

- (1) adalah tidak benar bahawa motosikal si mati datang dari arah belakang sebelum berlaku perlanggaran; sebaliknya beliau mendapati motosikal si mati berada di sebelah kirinya;
- (2) adalah tidak benar bahawa bahagian kanan motosikal si mati menggesel motosikalnya.

Hakim Mahkamah Sesyen itu memutuskan ‘bahawa punca sebenar kemalangan berlaku adalah kerana beliau (DWI) (Defendan Kedua ditambah) telah menggesel motosikal PCC 4500 (yang ditunggang oleh si mati – ditambah) yang berada di sebelah kirinya semasa DWI (Defendan Kedua – ditambah) mengelak ke kiri.’

Adalah jelas bahawa tidak ada keterangan langsung mengenai kecuai si mati. Keterangan yang diterima oleh Hakim Mahkamah Sesyen ialah Defendan Kedua kerana hendak mengelak kereta yang datang dari hadapan telah masuk ke kiri dan menggesel motosikal si mati menyebabkannya melanggar tiang itu. Beliau juga tidak memutuskan bahawa si mati cuai, suatu perkara yang betul, memandangkan kepada ketiadaan keterangan mengenainya. Tetapi, kesilapan yang beliau lakukan ialah setelah mendapati Defendan Kedua cuai, beliau memutuskan bahawa si mati juga bertanggung 100%. Sepatutnya beliau hanya memutuskan bahawa Defendan Kedua yang cuai dan bertanggung 100%, bersama-sama Defendan Ketiga, pemilik berdaftar motosikal ditunggang oleh Defendan Kedua itu.

Hakim Mahkamah Sesyen juga tidak membuat penemuan fakta bahawa si mati cuai. Sebaliknya, beliau cuma mendapati bahawa Defendan Kedua (penunggang motosikal No. PCA 6729) yang cuai. Beliau sepatutnya hanya mendapati Defendan Kedua dan Defendan Ketiga (pemilik berdaftar motosikal yang dipandu oleh Defendan Kedua) cuai 100%. Sebaliknya, beliau memutuskan bahawa kesemua Defendan, termasuk Defendan Pertama, cuai bersama 100%. Memang betul bahawa ada keterangan bahawa si mati melanggar tiang rumah itu. Tetapi, fakta itu tidak semestinya bererti si mati cuai. Apa yang

menyebabkannya? Nampaknya, ini tidak ditimbang oleh Hakim Mahkamah Sesyen itu.

Saya bersetuju dengan hujah peguam Defendan Pertama bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah tersilap dalam membuat anggapan bahawa jika tuntutan dibuat terhadap dua orang kerana kecuaiannya mereka dan jika Plaintiff seorang pihak ketiga yang tak bersalah dapat membuktikan seorang daripadanya cuai, maka kedua-duanya, masing-masing cuai 100%. Kecuaian yang dapat dibuktikan seperti yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen itu adalah kecuaiannya Defendan Kedua. Tidak ada penemuan fakta mengenai kecuaiannya si mati. Oleh itu Defendan Pertama tidak boleh dikatakan turut cuai 100%. Dalam kes *Oli Mohamed* yang dipakai oleh Hakim Mahkamah Sesyen itu, kedua-dua Defendan didapati sama-sama cuai. Dalam kes ini Hakim Mahkamah Sesyen itu cuma memutuskan bahawa Defendan Kedua cuai. Maka beliau tidak sepatutnya mendapati Defendan Pertama juga cuai 100%.”

Di atas alasan yang dinyatakan itu, Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan Defendan Pertama. Terdapat dua Perintah yang berasingan yang telah dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi di atas keputusan yang telah dibuat oleh Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi. Kedua-dua Perintah tersebut telah dikeluarkan pada 17.6.1998. Perkara ini berlaku kerana ada dua rayuan yang telah dikemukakan oleh Defendan-defendan. Rayuan pertama ialah rayuan oleh Defendan Pertama dan diberi nombor rujukan Rayuan Sivil No. 12-61-1997 di mana Plaintiff-plaintiff dijadikan responden pertama dan kedua, manakala Defendan-defendan Kedua dan Ketiga dijadikan responden-responden ketiga dan keempat. Defendan-

defendan Kedua dan Ketiga pula telah mengemukakan rayuan bersama dan diberi nombor rujukan Rayuan Sivil No. 12-62-1997. Di dalam rayuan ini Plaintiff-plaintiff telah dijadikan responden pertama dan responden kedua manakala Defendan Pertama telah dijadikan responden ketiga. Berasaskan dua rayuan yang berasingan tetapi telah didengar bersama terdapat dua Perintah yang berasingan di mana satu perintah telah difailkan oleh Tetuan Harjit Singh Sangay & Co. iaitu peguam bagi Defendan Pertama, manakala Perintah kedua telah difailkan oleh Tetuan Haniff & Chew, iaitu peguam bagi Defendan Kedua dan Ketiga. Oleh kerana penghakiman yang dibuat oleh Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi adalah satu sahaja, maka terdapat kekeliruan kepada pihak-pihak berkenaan. Di atas itu kebenaran telah diberi kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk merayu di atas keputusan yang dibuat oleh Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi.

Perintah yang difailkan oleh Tetuan Harjit Singh Sangay & Co. iaitu peguam Defendan Pertama, antara lain, menyatakan seperti berikut:

“ ... MAHKAMAH DENGAN INI MEMERINTAHKAN bahawa rayuan ini ditetapkan untuk Keputusan DAN rayuan ini dipanggil untuk Keputusan pada hari ini dalam kehadiran P R Manecksha (Harjit Singh a/1 Harbans Singh bersama beliau), Peguam bagi pihak Perayu dan V. Amareson, Peguam bagi pihak Responden-responden 3 dan 4 dan juga menyebut bagi-pihak Liow Si Khoon, Peguam bagi pihak Responden-responden 1 dan 2.

ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa rayuan Perayu terhadap Responden-responden 1 dan 2 adalah dengan ini dibenarkan;

DAN SELANJUTNYA DIPERINTAHKAN bahawa Responden-responden 1 dan 2 dikehendaki membayar kepada Perayu kos rayuan ini yang akan ditaksirkan dan kos untuk semua prosiding di Mahkamah Sesyen;

DAN SELANJUTNYA JUGA DIPERINTAHKAN bahawa rayuan terhadap Responden-responden 3 dan 4 adalah dengan ini ditolak dengan tiada perintah terhadap kos;

DAN SELANJUTNYA JUGA DIPERINTAHKAN bahawa bayaran sebanyak RM7,210.00 yang merupakan kos Mahkamah Sesyen seperti yang terdapat didalam Perintah bertarikh 24hb April 1997 yang dibayar oleh Insuran Perayu kepada Responden-responden 1 dan 2 di kembalikan kepada Insuran Perayu dengan segera;

DAN SELANJUTNYA JUGA DIPERINTAHKAN bahawa bayaran sebanyak RM153,000.00 bersama-sama dengan semua faedah-faedah terkumpul yang telah didepositkan kedalam Akaun Pelanggan di Simpanan Tetap Tetuan Liow & Co., peguam untuk Responden-responden 1 dan 2 sementara menunggu keputusan penuh rayuan ini dikembalikan kepada Insuran Perayu, iaitu The People's Insurance Co. (M) Bhd dengan segera;

DAN AKHIR SEKALI DIPERINTAHKAN bahawa kos RM250.00 yang telah didepositkan kedalam Mahkamah oleh Perayu sebagai cagaran terhadap kos rayuan, dibayar kepada Perayu sebagai sebahagian kos.”

Saya telah meneliti Perintah ini dan mendapati ia adalah mencerminkan pengahakiman bertulis yang telah diberikan oleh Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi.

Perintah kedua yang difailkan oleh Tetuan Haniff & Chew iaitu peguambela bagi Defendan-defendan Kedua dan Ketiga iaitu perayu-perayu di dalam Rayuan No. 12-62-1997, antara lain, menyatakan seperti berikut:

“ ... MAHKAMAH DENGAN INI MEMERINTAHKAN bahawa rayuan ini ditangguhkan untuk keputusau DAN rayuan ini yang dipanggil untuk keputusan pada hari ini didalam kehadiran V. Amareson, Kaunsel bagi Pihak Peryu-perayu dan juga menyebut bagi pihak Liow Si Khoon, Kaunsel untuk Responden-responden 1 & 2 dan juga dalam kehadiran P R Manecksha (Harjit Singh a/1 Harbans Singh bersama beliau), Kaunsel untuk Responden 3 MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERINTAHKAN bahawa rayuan Perayu-perayu terhadap Responden-responden 1 dan 2 dengan ini dibenarkan.

DAN ADALAH JUGA DIPERINTAHKAN bahawa rayuan Perayu-perayu terhadap Responden 3 dengan ini ditolak dengan tiada perintah terhadap kos;

DAN ADALAH JUGA DIPERINTAHKAN bahawa Perayu-perayu membayar kepada Responden-responden 1 dan 2 kos rayuan ini dan kos di Mahkamah Sesyen;

DAN AKHIR SEKALI DIPERINTAHKAN bahawa cagaran sebanyak RM250.00 yang didepositkan kedalam Mahkamah oleh Perayu-perayu di kembalikan.”

Perintah ini difailkan setelah Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi mengumumkan keputusan di dalam mahkamah bahawa di dalam Rayuan No. 12-62-1997, rayuan oleh Defendan-defendan Kedua dan Ketiga juga dibenarkan dengan kos. Walau bagaimanapun, di dalam penghakiman bertulis yang terdapat di dalam rekod rayuan tidak ada menyebut yang rayuan oleh Defendan-defendan Kedua dan Ketiga dibenarkan. Malahan di

dalam penghakiman bertulisnya Y.A. Hakim menyatakan bahawa simati tidak bersalah sepenuhnya di dalam kejadian melanggar tiang rumah kedai Plaintiff. Y.A. Hakim seterusnya menyatakan sekiranya adapun kesalahan, kesalahan itu dipertanggungkan sepenuhnya ke atas Defendan-defendan Kedua dan Ketiga. Dengan itu, Y.A. telah mengenyahkan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen untuk mengenakan liabiliti ke atas simati di mana wasinya adalah Defendan Pertama. Dengan itu pada pendapat saya, Y.A. Hakim telah membebaskan liabiliti 100% ke atas Defendan-defendan Kedua dan Ketiga.

Oleh kerana Y.A. Hakim telah melepaskan simati (Defendan Pertama) dari bebanan liabiliti, ini bermakna Y.A. Hakim telah membenarkan rayuan Defendan Pertama dengan kos. Saya bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Y.A. Mahkamah Tinggi dan dengan itu menolak rayuan yang dibuat oleh Plaintiff-plaintif dengan kos.

Berkenaan dengan rayuan oleh Plaintiff-plaintif ke atas Defendan-defendan Kedua dan Ketiga, saya mendapati ada kekeliruan berlaku di antara keputusan yang dibuat oleh Y.A. Hakim yang diumumkan di mahkamah dengan penghakiman bertulisnya. Sungguhpun Y.A. Hakim mengumumkan Defendan-defendan Kedua dan Ketiga tidak bersalah, tetapi

di dalam penghakiman bertulisnya Y.A. Hakim tidak menyatakan mengapa beliau mendapati Defendan-defendan Kedua dan Ketiga tidak bersalah. Malahan sekiranya diteliti penghakiman bertulis Y.A. Hakim, setelah mendapati simati tidak bersalah sepenuhnya, Y.A. Hakim telah membebankan liabiliti 100% ke atas Defendan-defendan Kedua dan Ketiga.

Saya juga telah meneliti rekod rayuan dan hujah-hujah semuanya dan saya berpendapat di dalam kejadian tersebut Defendan Kedua patut dipersalahkan 100%. Saya mengambilkira bahawa Defendan-defendan Kedua dan Ketiga di dalam pembelaannya menyatakan yang kemalangan itu tidak dapat dielakkan di atas alasan ada kereta memotong di hadapannya. Dia telah mengelak dan di dalam proses itu telah menggesel motosikal simati. Ini adalah keterangan Defendan Kedua (DW1) dan pemboncengnya (DW2). Tidak ada keterangan yang lain yang menyokong keterangan ini. Di dalam perkara ini, saya bersetuju dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang memutuskan Defendan-defendan Kedua dan Ketiga patut dipersalahkan. Dengan itu, saya menetapkan Defendan Kedua dan pemilik motosikal yang ditunggangnya iaitu Defendan Ketiga patut dipertanggungkan liabiliti 100%.

Dengan itu, saya membenarkan rayuan Plaintiff-plaintif ke atas Defendan-defendan Kedua dan Ketiga dengan kos di sini dan di Mahkamah Tinggi. Deposit hendaklah dibayar kepada Defendan Pertama sebagai sebahagian daripada kos yang akan ditaksirkan.

Y.A. Datin Paduka Zaleha Zahari, H.M.R. dan Y.A. Datuk Heliliah Mohd Yusof, H.M.R. telah membaca penghakiman ini di dalam draf dan telah menyatakan persetujuan mereka.

Bertarikh: 20 September 2007

(Datuk Haji Mokhtar bin Haji Sidin)
Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia

Peguam-peguam:

Puan Geeta Jothilingam dan Encik Mathew Thomas bagi pihak perayu.
(Tetuan Matthew Thomas & Co.)

Encik Harjit Singh a/l Harbans Singh bagi pihak responden pertama.
(Tetuan Harjit Singh Sangay & Co.)

Encik V. Amareson bagi pihak responden-responden kedua dan ketiga.
(Tetuan Amareson & Meera)